

07 SEP 1996

Mahathir-Kuda

BIAYA SUKAN BERKUDA BAGI BERI PELUANG KEPADA YANG TIDAK MAMPU

JOHOR BAHRU, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan agar badan-badan tertentu membiaya sukan berkuda bagi memberi peluang kepada mereka yang tidak mampu menyertai sukan itu.

Sukan berkuda memerlukan belanja tinggi dan mungkin tidak ramai yang boleh menyertainya, kata beliau ketika merasmikan Karnival Ekuestrian Merdeka Kelima Perbadanan Johor di Stadium Tertutup Pasir Gudang, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata mungkin kalau mereka berbakat mereka dapat menjadikan sukan itu sebagai salah satu daripada sukan profesional bagi mereka.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia yang bersaiz sederhana harus memilih jenis sukan yang sesuai bagi mereka dan antaranya ialah sukan berkuda.

"Kalau betul-betul berusaha, ada kemungkinan kita boleh jadi juara. Kalau kita betul-betul beri tumpuan kepada sukan berkuda ada kemungkinan kita juga dapat bertanding pada sukan Olimpik di Sydney," katanya.

Perdana Menteri berharap rakyat Malaysia akan membangunkan minat untuk menyertai sukan berkuda.

Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Dalam track event (acara olahraga), orang kita tak ada can langsung. Kita sekarang ini telah mengaku kalah kepada orang dari Afrika kerana mereka saja yang boleh menang dalam track event."

"Mungkin pada masa-masa akan datang, kita akan memberi kerakyatan kepada orang Kenya supaya boleh mewakili Malaysia dalam track event. Kita lihat Eropah dan Amerika pun sudah buat demikian."

"Sekarang ini kalau ada track event, yang kita nampak cuma orang Afrika saja, orang lain cuma lihat saja... jadi kita pun terpaksa memikirkan secara serius tentang memberi kerakyatan, mungkin kepada orang-orang ini," kata Dr Mahathir.

Mengenai kejohanan itu, Perdana Menteri berkata beliau bangga dengan usaha Persatuan Ekuestrian Malaysia (RAM) dan Perbadanan Johor yang menganjurkannya sehingga berjaya menarik peserta luar negara menyertainya.

Karnival anjuran bersama EAM dan Kulim (Malaysia) Berhad, anak syarikat Perbadanan Johor, berlangsung selama empat hari mulai Khamis lepas.

Lebih 100 peserta dari dalam dan luar negara menyertai karnival itu yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM80,000 serta piala.

Antara negara yang menyertai kejohanan itu ialah Australia, India, New Malaysia. -- BERNAMA

MKO PR